



ABD. AZIZ menunjukkan kawasan projek lebuh raya yang didakwa menyebabkan banjir lumpur di Kampung Melayu Tambahan, Rawang semalam.

Kampung kerap dilanda banjir lumpur

RAWANG – Penduduk di Jalan Sepakat, Kampung Melayu Tambahan dekat Batu 16 di sini bimbang ekor kampung itu dilanda banjir lumpur sebanyak empat kali sejak Ogos lalu.

Mereka mendakwa kejadian itu berpunca daripada pembinaan Lebuh raya Kuala Lumpur-Serendah (KLAS) yang bermula pada pertengahan tahun lalu.

Menurut penduduk, kerja-kerja menebang pokok di Hutan Simpan Kanching bagi tujuan pembinaan lebuh raya menyebabkan batu serta kayu dari kawasan itu dihanyutkan ke kaki bukit melalui sebatang sungai yang mengalir melalui Jalan Sepakat.

Seorang penduduk, Mohamat Nor Rajeae, 54, berkata, kejadian terbaharu berlaku pada Jumaat lalu dan menjejaskan lebih 10 buah keluarga.

“Kejadian itu membim-

bangkan kami kerana bukan hanya batu dan kayu malah haiwan berbisa seperti ular dan kala jengking juga dihanyutkan arus sungai ke kediaman kami,” katanya di sini semalam.

Projek lebuh raya bernilai RM80 juta itu melibatkan pembinaan persimpangan bertingkat di antara Plaza Tol Rawang dan Plaza Tol Bukit Beruntung yang bakal menjadi laluan alternatif bagi mengelak kesesakan di bandar Rawang.

Seorang lagi penduduk, Abd. Aziz Bazid, 59, memberitahu, kejadian banjir lumpur itu menyebabkan perabot dan barangan elektrik milik beberapa penduduk rosak.

“Saya harap semua pihak terlibat seperti Kementerian Kerja Raya, Majlis Perbandaran Selayang dan kontraktor KLAS mencari jalan terbaik untuk mengatasi masalah ini dengan segera,” ujarinya.